



## **KEMENTERIAN KEWANGAN**

### **SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2006**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan  
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan

### **TATACARA PENGIKLANAN TENDER TERBUKA BAGI PROJEK-PROJEK KERJA**

#### **Tujuan**

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan memaklumkan mengenai peraturan baru yang perlu dipatuhi oleh semua agensi Kerajaan berkaitan pengiklanan tender terbuka bagi semua projek kerja/projek pembinaan Kerajaan.

#### **Latar Belakang**

2. SPP Bil. 2 Tahun 1995 telah menetapkan bahawa tawaran tender tempatan Kerajaan hendaklah diiklan sekurang-kurangnya dalam 1 akhbar utama berbahasa Melayu di samping menghantar sesalinan iklan tender berkenaan kepada Dewan Perniagaan dan Perusahaan Bumiputera Malaysia (DPPBM) dan MAMPU, Jabatan Perdana Menteri untuk dimasukkan ke dalam laman web *Malaysian Civil Service Link* (MCSL). Manakala, tawaran tender antarabangsa, hendaklah diiklan dalam 2 akhbar harian tempatan utama (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris). Sesalinan iklan juga perlu dihantar kepada kedutaan-kedutaan asing di Malaysia di mana yang berkaitan.

#### **Tatacara Pengiklanan Semasa**

3. Bagi memastikan tawaran tender kerja untuk projek pembinaan disebarkan dengan lebih meluas, selain daripada prosedur iklan di atas semua agensi Kerajaan

adalah juga dikehendaki memasukkan secara 'online' maklumat iklan tender kerja tempatan dan antarabangsa ke dalam laman web Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Iklan tersebut boleh dimasukkan secara percuma melalui laman web khas CIDB iaitu di alamat [www.tender.gov.my](http://www.tender.gov.my).

4. Bagi melaksanakan arahan tersebut, semua agensi Kerajaan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kata laluan (*password*) daripada CIDB dengan mengisi dan menghantar borang yang boleh diperolehi melalui alamat di atas. Panduan untuk memasukkan iklan tender kerja secara *online* juga boleh diperolehi daripada alamat di atas. Sebarang pertanyaan mengenai pengiklanan secara *online* hendaklah dirujuk kepada CIDB seperti di alamat berikut:

CIDB Econstruct Services  
(Pendaftaran NETI),  
Suite 1604, Bangunan AMDB,  
No. 1 Jalan Lumut, Tel : 03 – 4041 7751  
50400 Kuala Lumpur. Faks : 03 – 4041 7732

#### **Kuat Kuasa**

5. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa mulai 1 Mac 2006. Semua Ketua Jabatan/Agensi hendaklah memastikan tatacara di atas dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

#### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(Dato' Sri Izzuddin bin Dali)  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

17 Februari 2006

s.k.

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara  
Akauntan Negara  
Semua Pegawai Kewangan Negeri